

18.10.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA PEMBAIKAN SALURAN PAIP PECAH 900MM : GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 HINGGA 24 JAM DI BAHAGIAN SELATAN PULAU

1	Kawasan terjejas 12 jam	Kawasan dari Jalan Bukit Gambir ke Bayan Lepas
	Masa/Hari/Tarikh	10.00 pagi hingga 10.00 malam, Isnin, 21.10.2019

2	Kawasan terjejas 24 jam	<ul style="list-style-type: none"> • Persiaran Kelicap (Bayan Lepas) • Gertak Sanggul • Teluk Kumbar • Bukit Penara (Balik Pulau)
	Masa/Hari/Tarikh	10.00 pagi Isnin, 21.10.2019, hingga 10.00 pagi Selasa, 22.10.2019

Sebab	Kerja pembaikan saluran paip pecah 900mm MS di Jalan Bukit Gambir
Jumlah penduduk terjejas	Anggaran 200,000

PULAU PINANG, Jumaat (18.10.2019): Kerja-kerja untuk membaiki segmen pecah saluran paip air 900mm keluli lembut (MS) di Jalan Bukit Gambir akan dijalankan pada Isnin 2019/10/21.

Segmen pecah ini terletak di bawah tanah di jalan berhampiran kompleks perniagaan Pallazia. Saluran paip ini adalah komponen utama rangkaian saluran paip yang menyalurkan air kepada pengguna di kawasan selatan bahagian pulau.

Saluran paip itu pecah pada 15.10.2019, menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual semalaman pada 15.10.2019 dan 16.10.2019.

Disebabkan hujan dan kedalaman lokasi paip pecah, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menanggungkan pembaikan kecemasan pada 16.10.2019 untuk mengurangkan ketidakselesaian kepada pengguna air.

Bagaimanapun, segmen pecah perlu dibaiki segera agar tekanan air kembali normal, mengurangkan kehilangan air dan menstabilkan semula sistem agihan air terawat.

Kerja-kerja pembaikan memerlukan tiga injap dihenti tugas untuk mengasingkan saluran paip:

- Injap 900mm di hadapan Ashley Green, Jalan Bukit Gambir;
- Injap 900mm berhampiran The Pallazia; dan
- Injap 450mm di persimpangan Jalan Tun Dr. Awang dan Jalan Bukit Gambir

Penutupan injap akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual 12 hingga 24 jam di kawasan selatan pulau. Kira-kira 200,000 orang akan terjejas oleh gangguan bekalan air berjadual ini.

Pengguna-pengguna di kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air mencukupi untuk kegunaan selama 12 jam, dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, Isnin, 21.10.2019:

1	Jalan Bukit Gambir dan Jalan Tun Dr. Awang	8	Taman Bukit Jambul (Blocks A - F)
2	Ashley Green	9	Sungai Ara, hingga Kompleks Tabung Haji
3	Minden Heights		
4	Universiti Sains Malaysia (USM)	10	Relau
		11	Sungai Batu
5	Jalan Ketitir	12	Sungai Tiram
6	Jabatan Pendidikan dan SMK Bukit Jambul	13	Kampung Binjai
		14	Bayan Lepas*
7	Desa Golf Condominiums, Persiaran Bukit Jambul	15	Lapangan Terbang Pulau Pinang

* Kawasan industry Bayan Lepas TIDAK terjejas.

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terjejas.

Sementara itu, pengguna-pengguna di kawasan tinggi dan hujung agihan berikut adalah dinasihatkan untuk menyimpan air mencukupi untuk kegunaan selama 24 jam, dari 10.00 pagi pada hari Isnin, 21.10.2019, hingga 10.00 pagi pada hari Selasa, 22.10.2019:

1	Persiaran Kelicap (Bayan Lepas)	3	Teluk Kumbar
2	Gertak Sanggul	4	Bukit Penara (Balik Pulau)

Harap maklum bahawa gangguan bekalan air berjadual ini berkaitan dengan kerja-kerja pembaikan pada saluran paip utama yang pecah. Kerja-kerja ini perlu, dan mesti dilakukan dengan segera, untuk memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan ke kawasan selatan Pulau Pinang.


PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku. Sila simpan air yang mencukupi untuk digunakan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



APPENDIX A : AFFECTED AREAS
BURST 900MM PIPELINE REPAIR WORKS :
12 TO 24-HOUR SCHEDULED WATER SUPPLY
INTERRUPTION IN THE SOUTHERN AREAS
OF PENANG ISLAND
10.00am, Monday, 21.10.2019 to
10.00am, Tuesday, 22.10.2019

 **Affected Areas**

